

UMS laksana inisiatif mudahkan pelajar baharu mendaftar

UB 25.09.2024 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan melaksana pelbagai inisiatif bagi membantu memudahkan pelajar baharu khususnya yang kurang berkemampuan untuk mendaftar bagi sesi ke-masukan 2024/2025 hujung minggu ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, inisiatif itu termasuk kemudahan penangguhan urusan pendaftaran universiti.

Ia bagi memastikan pelajar dapat menyelesaikan urusan pendaftaran tanpa perlu bimbang berkenaan masalah kewangan.

Selain itu, katanya, universiti juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan



KASIM

yang boleh dimohon pelajar khususnya yang kurang berkemampuan seperti bantuan kewangan (MyCare), bakul makanan dan sumbangan zakat.

"Program Pembangunan Siswa Sulung (SULUNG) 3.0 juga diteruskan bagi mem-

bantu anak pertama dalam keluarga B40 yang berjaya melanjutkan pengajian di UMS," katanya dalam satu kenyataan.

Kasim turut memaklumkan sepanjang proses persediaan sebelum sesi pendaftaran, pelbagai hebahan maklumat telah dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) bagi memastikan pelajar yang mempunyai masalah ke-wangan dapat menghubungi talian bantuan JHEP dengan segera.

"Sepanjang Minggu Suai Mesra Pelajar Baharu UMS yang bermula 30 September, pelajar didedahkan dengan maklumat berkaitan permohonan biasiswa seperti Biasiswa Kerajaan Negeri, Yayasan Sabah, Biasiswa

MARA, dan sebagainya.

"Satu slot khusus bersama wakil dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga disediakan bagi memudahkan proses permohonan pelajar," katanya.

Justeru itu, beliau berpesan agar para pelajar baharu yang akan mendaftar ke UMS tidak perlu gusar memikirkan soal kewangan kerana pelbagai inisiatif telah disediakan untuk memudahkan urusan pendaftaran kelak.

UMS mula menerima ke-masukan pelajar baharu pada dua hari sesi pendaftaran bermula 28 September ini di kampus induk Kota Kinabalu, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, dan Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan.